

14 FEB 1999

MAHATHIR HARUS TERUS MEMIMPIN MALAYSIA, KATA SYED HAMID

LONDON, 14 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia di sini, untuk menjelaskan kepada mereka mengapa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad harus terus memimpin Malaysia.

Menjawab soalan daripada seorang pelajar Malaysia di Malaysia Hall semalam, Syed Hamid yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata soal Dr Mahathir mengundur diri dan kemudian menjadi menteri kanan seperti Lee Kuan Yew di Singapura tidak mungkin berlaku di Malaysia.

"Bagi kita, kita masih mahu Dr Mahathir memimpin Umno dan juga menerajui negara.

"Kita sekarang tidak lagi mahu Dr Mahathir mengundur diri, Kita mahu beliau kerana pengalamannya, kebolehannya dan beliau telah memimpin negara dengan baik," katanya.

Syed Hamid menyifatkan Dr Mahathir seorang yang penuh dengan wawasan.

"Pendapat beliau bukan teori sahaja, tetapi pragmatik dan boleh dilaksanakan untuk membawa negara keluar dari kesulitan yang dihadapi negara sekarang," katanya.

Berkaitan ekonomi, Syed Hamid walaupun keadaan masih sukar, Malaysia telahpun mengunjurkan pertumbuhan ekonomi satu peratus tahun ini.

"Kita mengambil langkah-langkah untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai kesan terus kepada kemakmuran negara," katanya.

-- BERNAMA

SH RI